

JPS bina jambatan melengkung atasi masalah banjir

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Semua jambatan yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada masa depan, akan dibina secara melengkung bagi mengelak rempuhan air terutama ketika banjir.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azmi Khalid berkata, pelan jambatan melengkung dikenal pasti sebagai salah satu penyelesaian kepada masalah banjir, sekali gus dapat mengurangkan risiko kerosakan ke atas jambatan berbanding jambatan yang dibina selari dengan jalan raya.

"Kalau jambatan rata yang selari dengan jalan, setiap kali banjir ia akan dirempuh air yang turut membawa sampah sarap serta balak hanyut sehingga menyebabkan jambatan runtuh.

"Jadi JPS buat keputusan untuk bina jambatan melengkung bagi elak rempuhan dan melancarkan perjalanan air ketika berlaku limpahan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku *Think Out of The Block Sudoku* di Kedutaan Jerman di sini, hari ini.

Katanya, JPS juga akan menganjurkan forum bagi mencari penyelesaian kepada masalah banjir di negara ini pada bulan hadapan.

"Pelan yang diguna pakai di seluruh negara dirangka untuk tempoh 100 tahun tetapi persekitaran sejagat berubah dengan pantas kesan pemanasan global menyebabkan air semakin banyak," ujarnya.

Katanya, banjir luar biasa di Johor berpunca dari perubahan iklim dunia sehingga membawa hujan tiga kali ganda berbanding sebelum ini.

Ujarnya, Malaysia secara purata menerima 3,000 milimeter hujan setahun atau bersamaan dengan kedalaman 9.8 kaki dan jumlah itu cukup untuk menenggelamkan Malaysia jika ia tidak dilepaskan ke laut.

"Hujan di Johor sahaja turun sehingga tiga kali ganda jumlah itu. Sistem saliran yang kita bina adalah berdasarkan jumlah hujan purata dan tidak pernah menduga fenomena luar biasa seperti di Johor akan berlaku," katanya.

Bagaimanapun katanya, kerajaan sudah mengambil langkah proaktif bagi mengelak masalah yang sama berulang dan ia akan dilakukan secara bersepadu antara JPS, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan.

Sementara itu, buku *Think Out of The Block Sudoku* tersebut adalah hasil tulisan pakar matematik tempatan Jeff H.S. Keow dan merupakan yang pertama seumpamanya di dunia.

Buku itu mendedahkan rahsia teka silang nombor logik 9x9 *Sudoku* rekaan Howard Garns dari Amerika dan menjadi kegilaan ramai di seluruh dunia sehingga mencetuskan fenomena baru di Jepun awal 80-an.

Duta Jerman Ke Malaysia, Herbert D. Jess berkata, dirinya terpanggil untuk menjadi penganjur kepada pelancaran buku itu kerana beliau sendiri merupakan penggemar *Sudoku*.

"Ini bukti kemampuan Malaysia. *Sudoku* melatih anda berfikir di luar kotak sebagaimana yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.